

'Saya akan tarik balik laporan polis'

» Jika Kavee berbuat demikian terlebih dahulu: Irfan

Oleh Jumiati Rosly
dan Naqib Nor Said
bhsukan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Saya akan tarik balik laporan polis jika dia berbuat demikian terlebih dahulu," kata jahuh lempar cakera negara, Muhammad Irfan Shamsuddin (**gambar**) mengenai insiden pergaduhan dengan rakan atlet olahraga, Kavee Alagan di Casa Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil pada 20 Disember lalu.

"Saya tidak ada masalah untuk selesaikan isu ini kerana

untuk saya sekarang kalau boleh mahu teruskan latihan seperti biasa.

"Apa yang penting sekarang adalah melakukan persediaan untuk kejohanan akan datang terutama Sukan SEA," katanya yang kini berada di Seremban selepas diarah keluar asrama akibat insiden itu.

Bagaimanapun, Kavee yang dihubungi semalam masih belum memutuskannya kerana mahu mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan Pengarah Teknikal Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Robert J Ballard.

"Tak boleh beri apa-apa komen kerana saya perlu jumpa

Robert Isnin ini (esok). Selepas perjumpaan itu baharu saya akan membuat kata putus sama ada akan tarik balik laporan polis itu atau tidak.

KOM minta berdamai

"Memang dalam beberapa hari ini Robert menghubungi saya untuk berbincang insiden itu tetapi saya tidak dapat berjumpanya kerna sibuk dengan peperiksaan akhir semester," kata penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Kejuruteraan Perisian itu.

Kelmarin, Presiden KOM, Datuk Karim Ibrahim meminta Irfan dan Kavee segera berdamai bagi membuka peluang



mereka beraksi di Sukan SEA Singapura Jun ini – sekiranya layak.

Buat masa ini, Irfan sudah melayakkan diri beraksi di Sukan SEA, namun kerana kes pergaduhan berkenaan sudah menjadi kes polis, KOM tidak boleh campur tangan dan menyerahkannya kepada pihak berkuasa.

Namun, sekiranya Irfan atau Kavee memilih untuk berdamai dan menarik semula kes, peluang untuk Irfan ke temasya dwi tahunan itu tampak cerah apa lagi dia masih boleh berlatih biarpun sudah diarah keluar dari asrama penginapan atlet di Bukit Jalil.